

28 SEP 1998

Alam Flora

ALAM FLORA AMBIL ALIH PENGURUSAN SISA PEPEJAL TIGA MAJLIS DAERAH

SHAH ALAM, 28 Sept (Bernama) -- Alam Flora Sdn Bhd akan mengambilalih pengurusan sisa pepejal dan kerja pembersihan di tiga majlis daerah di Selangor iaitu Kuala Langat, Kuala Selangor dan Sabak Bernam mulai Khamis ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian, Kerajaan Tempatan dan Perbandaran, Datuk Mohd Sharif Jajang berkata pengambilalihan itu menjadikan kesemuanya lapan majlis perbandaran dan daerah di Selangor yang telah diurus Alam Flora.

"Bakinya sebanyak empat majlis perbandaran dan daerah akan mula diambilalih pada November ini," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pengambilalihan itu antara Alam Flora dan ketiga-tiga majlis daerah terbabit, di sini.

Beliau berkata majlis perbandaran lain yang telah diambilalih Alam Flora ialah Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan Kajang pada Julai lepas dan Shah Alam, Subang Jaya serta Selayang pada 1 Sept.

Majlis perbandaran dan daerah seterusnya yang akan diambilalih pada November ini ialah Klang, Ampang Jaya, Hulu Selangor dan Sepang, katanya.

Menurut beliau Alam Flora hanya bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan kerja pembersihan manakala aspek penguatkuasaan undang-undang masih di bawah bidang kuasa majlis perbandaran dan daerah terbabit.

Katanya Alam Flora telah menyatakan persetujuan untuk mengambil semua pekerja majlis perbandaran dan daerah yang terbabit dalam pengurusan sisa pepejal untuk bekerja dengannya.

Alam Flora juga bersetuju mengambilalih aset mudah alih milik majlis perbandaran dan daerah berkenaan iaitu kompaktor, lori tipper dan traktor, katanya.

Alam Flora merupakan salah sebuah daripada empat syarikat yang diberi konsesi untuk mengendalikan pengurusan sisa pepejal oleh kerajaan dan bertanggungjawab mengambilalih pengurusan di Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Dalam perkembangan lain, Mohd Sharif, yang juga Ketua Penerangan Umno Selangor berkata semua bahagian Umno di Selangor telah selesai mengadakan program penerangan kepada anggotanya bagi menjelaskan kes pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri serta Menteri Kewangan dan pemecatan beliau daripada Umno.

Semua anggota Umno terbabit telah menyatakan ikrar taat setia mereka kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

-- BERNAMA

NY oba